



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|-------------|---|------------------|------------|---|----|
| AKHBAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 6/12/2019 | MUKA SURAT | : | 56 |
| JABATAN | : | UMUM | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Isu pemilikan tanah

170 peneroka terima tawaran

Fasa kedua akan diselesai dalam masa terdekat

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Seremban: Kerajaan negeri sudah menemui jalan penyelesaian berhubung isu pemilikan tanah peneroka Kampung Serampang Indah (Ladang Gatco) di Jempol, yang berlarutan sejak lebih 40 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata langkah mengatasi masalah itu dilaksanakan secara peringkat, dengan fasa pertama membabitkan 170 peneroka diselesaikan, baru-baru ini.

Beliau berkata, ia akan disusuli fasa seterusnya membabitkan 140 peneroka dalam masa terdekat.

“Bagi fasa pertama, seramai 170 peneroka bersetuju menerima tanah ditawarkan kepada mereka seluas 1.62 hektar; manakala 0.81 hektar lagi akan dibeli (peneroka).

“Kerajaan negeri bersetuju melanjutkan tempoh

pajakan tanah itu kepada 99 tahun daripada 66 tahun sebelum ini.

“Fasa kedua akan dilaksanakan membabitkan 140 peneroka. Ia masih dalam siasatan untuk kenal pasti peneroka asal dan pembeli tanah,” katanya di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan isu bermula apabila Syarikat Gula Negeri Sembilan yang juga pemilik tanah seluas 2,000 hektar itu menutup operasi menyebabkan ladang tebu di situ diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS) secara pajakan selama 99 tahun.

PKNNS memajakkan tanah itu selama 66 tahun kepada The Great Allioniers Trading Corporation Bhd (Gatco) pada 1977 bersama rancangan awal membangunkan tanah itu sebagai ladang getah dengan membawa masuk peneroka dan menawarkan tapak rumah serta tanah kebun seluas 4.048 hektar disertakan bayaran antara RM4,000 hingga RM7,000 seorang.

Namun, Gatco berdepan masalah kewangan menyebabkan projek terbengkalai dan tanah dirampas sebelum ditawarkan untuk lelongan awam pada 2004 dan dibeli Thamarai Holdings pada 2007.



“Bagi fasa pertama, 170 peneroka bersetuju terima tanah ditawarkan seluas 1.62 hektar, manakala 0.81 hektar lagi akan dibeli (peneroka).”

S Veerapan,
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan

Sementara itu, Pengarah Urusan Thamarai Holdings, Datuk R Ramalingam Pillai, berkata syarikat terbabit setuju menarik balik tuntutan ganti rugi terhadap beberapa peneroka Gatco selepas mencapai penyelesaian.